

D465

U B777 DEB

MAHATHIR

KERTIH, 15 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MEMINTA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI MENGIKIS KECENDERONGAN UNTUK BERLUMBA-LUMBA SESAMA SENDIRI MEWUJUDKAN INDUSTRI DAN PASARANA SEKADAR BAGI TUJUAN BERMEGAH SAHAJA SEDANGKAN INDUSTRI YANG SAMA TELAH PUN WUJUD DAN MAMPU MEMENUHI KEHENDAK NEGARA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TIDAK MAHU KECENDERONGAN SEDEMIKIAN SAMPAI KEPADA TAHAP YANG BOLEH MEMBAWA PEMBAZIRAN MODAL DAN TENAGA KERANA ASPEK-ASPEK PERMINTAAN DAN PERBEKALAN DIABAIKAN.

BELIAU MERASMIKAN LAPANGAN TERBANG BARU KERTIH YANG MENELAN BELANJA \$75 JUTA UNTUK KEMUDAHAN ASAS BAGI MENYOKONG PEMBANGUNAN INDUSTRI PETROLEUM NEGARA.

DATUK SERI DATIN PADUKA DR. SITI HASMAH, MENTERI BESAR TERENGGANU DATUK SERI HAJI WAN MOKHTAR AHMAD DAN DATUK PUAN HAJAH AISHAHTUN SUHAIMI, Pengerusi PETRONAS RAJA TAN SRI MOHAR RAJA BADIOZAMAN DAN TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK DR. YUSOF NOOR HADIR SAMA.

PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU BERHARAP SEMUA MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI MENYETUJUI LANGKAH KERAJAAN PUSAT SEKARANG MENYELARASKAN DAN MEMASTIKAN SAMA ADA INDUSTRI YANG DIRANCANGKAN OLEH NEGERI-NEGERI MUNASABAH DAN PEMBANGUNANNYA TIDAK BERTINDIH. -- LAGI.

1338MST 15 08 85

D468

R 2780 DEB

MAHATHIR 2 KERTIH

BELIAU BERKATA SOAL PERMINTAAN DAN PERBEKALAN MESTILAH DIAMBIL KIRA SUPAYA APA JUGA RANCANGAN INDUSTRI OLEH MANA-MANA NEGERI TIDAK MENGAKIBATKAN PERTINDIHAN PEMBANGUNAN DAN INDUSTRI ITU HENDAKLAH BUKAN DIMAKSUDKAN BAGI KEPENTINGAN SESEBUAH NEGERI SAHAJA.

MENURUT PERDANA MENTERI, MASIH ADA NEGERI-NEGERI YANG TIDAK MENGAMBIL KIRA SOAL PERMINTAAN DAN PERBEKALAN YANG MENYEBABKAN INDUSTRI YANG DIDIRIKAN ITU BERKESUDAHAN DENGAN PEMBAZIRAN WANG DAN TENAGA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENINGATKAN BAHAWA SEKIRANYA SUDAH ADA NEGERI YANG MEWUJUDKAN INDUSTRI BARANGAN GANTIAN MISALNYA YANG MAMPU MEMENUHI KEPERLUAN SELURUH NEGARA, MAKA NEGERI YANG LAIN TIDAKLAH PERLU MEWUJUDKAN SATU LAGI INDUSTRI JENIS YANG SAMA.

PERDANA MENTERI BAGAIMANAPUN MENEGASKAN BELIAU TIDAKLAH BERMaksud BAHAWA MINAT DAN KECENDERUNGAN DI KALANGAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI UNTUK MEMAJUKAN NEGERI MASING-MASING SEBERAPA YANG TERDAYA ITU ADALAH TIDAK BAIK ASALKAN PEWUJUDAN INDUSTRI ATAU PROJEK PASARANA YANG LAIN TIDAK DIDORONG OLEH NIAT UNTUK BERBANGGA-BANGGA.

SEMASA MENYENTUH PETRONAS YANG MEMBELANJAKAN \$75 JUTA BAGI PEMBINAAN LAPANGAN TERBANG KERTIH, PERDANA MENTERI MENINGATI PERBADANAN ITU SUPAYA BIJAK MEMBELANJAKAN WANGNYA. -- LAGI.  
1346MST 15 08 85

MAHATHIR 3 KERTIH

KATA PERDANA MENTERI WALAUPUN PETRONAS MERUPAKAN SYARIKAT TERKAYA DI NEGARA INI, TETAPI IA TIDAK BOLEH SEWENANG-WENANGNYA MEMBELANJAKAN WANGNYA KERANA DALAM ANALISIS TERAKHIR, WANG ITU MILIK NEGARA DAN PERLU DIBELANJAKAN UNTUK MANFAAT RAKYAT.

BELIAU MAHUKAN PETRONAS MENGURUSKAN PERBELANJAANNYA DENGAN BIJAK SUPAYA IA JUGA MENGELAKKAN PEMBAZIRAN.

SECARA BERSELOROH PERDANA MENTERI BERKATA, PADA MULANYA BELIAU MENYANGKAKAN LAPANGAN TERBANG KERTIH CUMA TIDAK LEBIH SEBUAH PADANG PENDARATAN TETAPI HARI INI BELIAU MENDAPATI KOMPLEKS ITU LEBIH CANTIK DAN MODEN DARIPADA LAPANGAN TERBANG KUALA TERENGGANU MALAHAN LEBIH ISTIMEWA DARIPADA LAPANGAN-LAPANGAN TERBANG DI TEMPAT LAIN DI NEGARA INI.

KATANYA, SECARA BERJENAKA, NEGERI TERENGGANU MEMENTINGKAN KETINGGIAN MUTU LAPANGAN TERBANGNYA KERANA LAPANGAN TERBANG KERTIH YANG DIBINA DENGAN BELANJA \$75 JUTA ITU CUMA UNTUK MENAMPUNG PENDARATAN PESAWAT SETAKAT JENIS FOKER F27 SEDANGKAN LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA LANGKAWI YANG MAMPU MENERIMA PENDARATAN PESAWAT AIR BUS CUMA BERTERANGA \$70 JUTA. -- BERNAMA.  
1348MST 15 08 85